Norhardi Bin Saad

From: Jabatan Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, 4 April, 2024 12:23 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PROGRAM KOMUNITI RAMADAN RMC

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

Your Reliab
DIGITAL INFORMAT

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT M

4 APRIL 2024 / 24 RAMADAN 1445H
==========

Oleh: Nadzirah Mahmud
Gambar oleh: Jabatan Komunikasi Korporat dan RMC

PROGRAM KOMUNITI RAMADAN RMC



UUM ONLINE: Aktiviti kacau bubur lambuk Sri Sintok merupakan satu acara yang ditunggu-tunggu oleh warga UUM Sintok setiap kali bulan Ramadan menjelma.

Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama Social Security Management Center of Excellence (SOSCOE) turut serta dalam aktiviti ini.



Pengarah RMC, Prof. Madya Dr Idayu Mahat berkata, program ini menjadi lebih istimewa dengan kehadiran tetamu jemputan dari Pasukan Gerakan Am (PGA) Utara, yang terdiri daripada 44 anggota turut membantu dalam proses penyediaan bubur lambuk diketuai oleh YDH SAC Shahrum Hashim, Komander Briged Utara Pasukan Gerakan Am, PDRM.

“Setiap kali Ramadan, bubur lambuk akan diagihkan kepada komuniti sekitar. Tahun ini kita memilih untuk mengagihkan kepada polis yang sedang berkhidmat di sempadan Malaysia Thailand.

“Program ini juga dilihat sebagai langkah proaktif dalam merapatkan hubungan antara polis dan masyarakat sejajar dengan tema sambutan Hari Polis yang ke-217, baru baru ini iaitu Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada.

“Sempena 40 tahun UUM, kita berbesar hati menerima kehadiran kontinjen PGA dan memberi mereka peluang merasai bubur lambuk yang terkenal dengan keunikan tersendiri,” ujarnya.



Naib Canselor, Prof. Dr. Mohd Foad Sakdan serta ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti turut turun ke lokasi untuk menyampaikan bubur lambuk dan sumbangan Bakul Ramadan kepada YDH SAC Shahrum Hashim yang akan diedarkan ke pos-pos sempadan.

YDH SAC Shahrum mengucapkan terima kasih atas jemputan pihak RMC ke UUM dan berharap lebih banyak kolaborasi program dapat dilaksanakan pada masa depan.

Semoga program komuniti Ramadan ini dapat mengeratkan silaturahim antara UUM dan komuniti sekitar.

Bubur lambuk ini juga turut diedarkan kepada penghuni Taman Sinar Harapan, Jitra, Sekolah Agama At-Toyyibah dan Pusat Perkembangan Kanak-Kanak Tunku Puteri Intan Safinaz UUM yang diketuai oleh Aini Bahrum.

UUM Official uum.edu.my Universiti Utara Malaysia (Official FB) uumofficial
UUM TODAY UUM Today UUMToday UUMtoday
Contact Us: ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.